



**KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH**  
**Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah**  
**Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat**  
**88400 KOTA KINABALU**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my**

**Tel.** : 088-368121  
**Bil.** : KEW.100-4/4 JLD.8 (96)  
**Tarikh** : 25 Ogos 2020

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian**  
**Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu**  
**Semua Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri**  
**Semua Ketua Eksekutif Syarikat Kerajaan Negeri**

YBhg.Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.3/2020**  
**PELANJUTAN TEMPOH PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BERAKHIR**  
**31 DISEMBER 2019 BADAN BERKANUN NEGERI DAN SYARIKAT**  
**KERAJAAN NEGERI KEPADA KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2020**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan pelanjutan tempoh mengemukakan penyata kewangan berakhir 31 Disember 2019 bagi Badan-Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri kepada Ketua Audit Negara dari 30 April ke 31 Oktober 2020. Pelaksanaan ini adalah untuk menangani kesan COVID-19 yang telah menjejaskan penyediaan laporan tahunan dan penyata kewangan bagi tahun 2020.
- 1.2 Surat pekeliling ini juga bertujuan untuk menyelaraskan tarikh penyerahan penyata kewangan anak-anak syarikat Badan Berkanun Negeri yang tertakluk dengan Akta Syarikat kepada Ketua Audit Negara. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menetapkan pelanjutan tempoh penghantaran penyata kewangan bagi tahun 2020 kepada 31 Oktober 2020.

.....2/



## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada 27 Februari 2007, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007 : Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan. Pekeliling ini menetapkan bahawa laporan tahunan dan penyata kewangan Badan-Badan Berkanun hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April tiap-tiap tahun.
- 2.2 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.14 Tahun 2009: Garis Panduan Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri. Pekeliling tersebut telah menetapkan bahawa laporan tahunan dan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 Jun tiap-tiap tahun.
- 2.3 Pada 17 April 2015, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2015 : Pindaan Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Kepada Ketua Audit Negara. Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2015 bertujuan untuk menyelaraskan tarikh penyerahan daripada 30 Jun kepada 30 April seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007.
- 2.4 Manakala, permohonan untuk lanjutan had masa bagi penghantaran penyata kewangan kepada pihak Berkuasa Kewangan Negeri adalah dibenarkan tetapi lanjutan tersebut adalah tidak melebihi tiga (3) bulan dalam setiap tahun dan tertakluk di dalam seksyen 5(2) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997.

### **3. MATLAMAT**

- 3.1 Memastikan pematuhan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri untuk menjalankan prinsip dan tadbir urus yang baik seperti yang diperuntukkan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Untuk Badan Berkanun Negeri Sabah (2015);
- 3.2 Memastikan akauntabiliti dan ketepatan laporan tahunan dan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri;
- 3.3 Memastikan urusan pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan yang diaudit kepada Jemaah Menteri dan pembentangan di Dewan Undangan Negeri dapat dijalankan secara teratur serta dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- 3.4 Meningkatkan lagi kualiti perakaunan dalam penyediaan Penyata Kewangan.

### **4. PEMAKAIAN PEKELILING**

- 4.1 Surat pekeliling ini terpakai bagi tahun 2020 kepada Badan-Badan Berkanun Negeri, Agensi Kerajaan Negeri, Syarikat Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat.
- 4.2 Tarikh Penyerahan bagi tahun-tahun seterusnya masih kekal pada 30 April tiap-tiap tahun seperti dalam Arahan Pentadbiran Bil.1 Tahun 2015.

### **5. TANGGUNGJAWAB SETIAUSAHA TETAP KEMENTERIAN**

- 5.1 Semua Setiausaha Tetap Kementerian hendaklah memastikan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri di bawah seliaan masing-masing melaksana dan mematuhi surat pekeliling ini.



**6. TARIKH KUAT KUASA**

6.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**(TUAN HAJI RUSDIN RIMAN)**

Setiausaha Tetap

s.k                    YB Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Aras 28, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Aras 8-11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah  
Aras 4, Blok A  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
**88450 KOTA KINABALU**